

Keng Yaik yakin Yum dapat sokongan pengundi Ketari

UM 13 MAR 2002
BENTONG 12 Mac - Pe-
siden Gerakan, Datuk Seri
Dr. Lim Keng Yaik yakin
calon parti itu untuk ber-
tanding pada pilihan raya
kecil Dewan Undangan
Negeri Ketari akan men-
dapat sokongan daripada
para pengundi kawasan
berkenaan.

Beliau berkata, Yum Ah
Ha adalah calon terbaik
untuk memberi khidmat
kepada masyarakat Ke-
tari berdasarkan hubung-
an rapatnya dengan ma-
syarakat tempatan.

"Saya yakin majoriti pe-
ngundi di Ketari menyoko-
ng beliau yang dikenali
ramai dan disenangi oleh
penduduk setempat," ka-
tanya.

Beliau berkata demiki-
an kepada pemberita sele-
pas majlis pengumuman
Yum sebagai calon BN un-
tuk bertanding dalam pi-
lihan raya kecil Dewan Un-
dangan Negeri kawasan
Ketari.

Pengumuman dibuat
oleh Menteri Besar Pa-
hang, Datuk Seri Adnan
Yaakob selaku Pengerusi
BN Negeri di pejabat UM-
NO di sini, petang ini.

Menurut beliau, dengan
pemilihan Yum, BN pasti
dapat mengekalkan kerusi
Ketari dengan mendapat
majoriti lebih tinggi ber-
banding pilihan raya sebe-
lum ini.

Sehubungan itu beliau
meminta semua parti
komponen BN memberik-
an kerjasama sepenuh-
nya bagi memastikan ke-
menangan besar pada pi-
lihan raya berkenaan.

Sementara itu, Yum
berkata, beliau akan be-
kerja keras memastikan
kemenangan sebagai
membalas kepercayaan
BN dan Gerakan memi-
lihnya sebagai calon.

Beliau juga mengucap-
kan terima kasih kepada
Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moh-
amad selaku Pengerusi
BN kerana memilih diri-
nya sebagai calon.